

UNIT 3

RUKUN NEGARA



NOTA EFEKTIF

LATAR BELAKANG RUKUN NEGARA



- Dimasyhurkan sebagai Pengisytiharan Diraja oleh Duli Yang maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keempat.
- Diisytiharkan bersempena ulang tahun Hari Kebangsaan yang ke-13 pada 31 Ogos 1970.
- Diperkenalkan oleh Jawatankuasa Rukun Negara yang terletak di bawah Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada 4 Mac 1970.

SEBAB SEBAB PENGENALAN RUKUN NEGARA



Perbezaan kegiatan ekonomi

- Pekerja dari luar dibawa masuk semasa pentadbiran British bertujuan bekerja dalam sektor ekonomi.
- Wujud jurang ekonomi apabila masyarakat diasingkan dari segi kegiatan ekonomi utama.
- Orang Melayu – Pertanian sara diri.
- Orang Cina – Perlombongan / Perniagaan.
- Orang India – Perladangan.


Pengasingan Tempat Tinggal

- Peluang interaksi antara masyarakat terhad apabila berlaku pengasingan tempat tinggal.
- Orang Melayu – Tinggal di kampung / di kawasan pendalaman.
- Orang Cina – Tinggal di bandar.
- Orang India – Tinggal di kawasan ladang.

Perbezaan Fahaman Politik

- Hubungan pelbagai kaum semakin renggang apabila terdapat perbezaan fahaman politik
- Keadaan ini membawa rusuhan kaum, iaitu peristiwa 13 Mei 1969.

MATLAMAT DAN PRINSIP RUKUN NEGARA



Kepercayaan Kepada Tuhan

- Agama sebagai pegangan rakyat Malaysia.
- Dapat melahirkan rakyat yang menghormati amalan beragama masyarakat lain.

Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

- Setiap warganegara Malaysia memberikan sepenuh taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
- Menjadikan masyarakat Malaysia bersatu padu dan mempunyai semangat patriotik.

Keluhuran Perlembagaan

- Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara.
- Menuntut agar rakyat Malaysia menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

Kedaulatan Undang-Undang

- Setiap rakyat Malaysia perlu menghormati dan mematuhi segala undang-undang yang ditetapkan.
- Kepatuhan kepada undang-undang dapat menjamin keharmonian masyarakat dan keselamatan negara.
- Sebagai rakyat, kita perlulah mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Kesopanan dan Kesusilaan

- Amalan nilai murni melambangkan keperibadian rakyat Malaysia.
- Dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin, berakhlak mulia dan hidup harmoni.
- Dapat melahirkan masyarakat saling memahami dan bekerjasama.



Peranan	Impak/Kesan
Meraikan kepelbagaian agama dan kepercayaan	– Prinsip kepercayaan kepada Tuhan berperanan membentuk masyarakat yang patuh pada ajaran agama dan kepercayaan masing-masing. – Melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai sikap rendah diri, sentiasa bersyukur dan menghargai nikmat yang diberi oleh Tuhan. – Dapat mengelakkan perasaan dengki, khianat, amalan rasuah, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan moral.
Membentuk masyarakat Malaysia yang patriotik	– Membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat patriotik yang cinta akan negara. – Semangat patriotik dapat melahirkan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban untuk negara.
Memupuk sikap menghormati undang-undang.	– Membimbing rakyat daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang menggugat keselamatan negara. – Kepatuhan kepada undang-undang dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara.
Menguatkan perpaduan masyarakat	– Semangat permuafakatan dan sikap toleransi perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia. – Melalui Rukun Negara rakyat dapat memahami dan menghormati budaya kaum lain.
Menerap nilai murni	– Rukun Negara dapat memupuk masyarakat yang mempunyai nilai kesopanan yang tinggi dan berbudi pekerti mulia. – Mewujudkan hubungan yang harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat.
Membentuk jati diri masyarakat Malaysia.	– Selain daripada membentuk jati diri yang unggul, Rukun Negara juga berperanan untuk membentuk individu yang berintegriti.